

Buletin **MEKANIKAL**

WE CARE WE SHARE EDISI 1/2013



Lawatan KSN ke JKR Woksyop Persekutuan



Bas Baharu JKR

isi kandungan

01 Kata Aluan Penaung

02 Dari Meja Ketua Pengarang

Berita Utama

03 Lawatan KSN Ke JKR Woksyop Persekutuan Kuala Lumpur

05 Pengenalan Kepada CKM

Info Semasa

09 Fleet Management

11 Statistik Saman Kenderaan JKR 2012

13 Pemodenan JKR Kuari

15 Lesson Learnt Pelupusan

16 Kadar Elaun Perbatuan

Teknikal

17 Vehicle Testing Line

21 Vehicle Tracking System

Aktiviti

23 Pemanduan 4WD - Sesi Pandu Uji

25 Lawatan KPKR Ke JKR Woksyop Persekutuan Kuala Lumpur

26 Lawatan Pengarah Bahagian Senggara Fasiliti Jalan ke JKR Kuari Pusat Bukit Buloh, Machang, Kelantan

27 Penyerahan Kenderaan JKR Kementerian Kerja Raya

29 Penyerahan Kenderaan JKR Selangor

KATA ALUAN PENAUUNG

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera

Syukur Alhamdulillah ke Hadrat Allah SWT, Buletin Mekanikal pertama 2013 ini dapat diterbitkan seperti yang dirancang. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada sidang redaksi atas usaha, tenaga dan masa mereka dalam memastikan terbitnya Buletin Mekanikal ini. Terima kasih juga kepada semua pihak yang memberi pandangan bernas dalam menghasilkan buletin ini.

Sesungguhnya, Buletin Mekanikal Edisi Pertama 2013 ini merupakan satu perintis kepada penerbitan buletin dan penulisan ilmiah secara berterusan dimasa akan datang. Penerbitan ini merupakan medium terbaik untuk menghebahkan berita/rencana berkaitan bidang mekanikal serta pelbagai panduan untuk dimanfaatkan oleh semua pembaca.

Akhir kata, saya berharap agar semua pembaca umumnya dan warga CKM khususnya dapat terus memberikan sokongan padu dalam penerbitan Buletin Mekanikal sebagai wadah perkongsian ilmu.

**Penaung,
Pengarah Kanan,
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal,
Ibu Pejabat JKR Malaysia, Kuala Lumpur.**

Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel dan pandangan yang membina bagi mengemaskini serta mempertingkatkan lagi mutu penerbitan Buletin Mekanikal. Sumbangan artikel boleh dialamatkan kepada :

Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 18-21, Centre Point North
The Boulevard Mid Valley City
Lingkar Syed Putra
59200 Kuala Lumpur
No. Tel : 03 - 9235 4543
No. Fax : 03 - 2287 3946

Laman web rasmi : www.jkr.gov.my/cawmekanikal/



Tiada di dalam gambar : Ir. Sulaiman Bin Kamari & Ir. Azizah Binti Kassim

DARI MEJA KETUA PENGARANG

Assalamualaikum wbt

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada tenaga kerja Buletin Mekanikal Edisi Pertama 2013 kerana telah bekerja keras bersama-sama bagi menjayakan buletin pertama Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Ibu Pejabat JKR.

Akhirnya, impian CKM untuk menerbitkan buletin sebagai wadah hebahan dan perkongsian ilmu tercapai jua. Pelbagai maklumat dan berita-berita menarik telah dimuatkan di dalam buletin ini untuk tatapan para pembaca.

Akhir kata, sekiranya terdapat sebarang maklumat dan informasi yang berkaitan untuk dimuatkan di dalam buletin ini amatlah dialu-aluakan dari semua pihak. Sehingga bertemu lagi dikeluarkan akan datang. Salam hormat dan teruskan pembacaan dengan Buletin Mekanikal.

*Salam sekapur sirih,
Ketua Pengarang*

AHLI SIDANG REDAKSI

Penaung :

Syed Abdullah Bin Syed Abd Rahman

Penasihat :

Haji Samsudin Bin Haji Wan Nik
Ir. Razdwan Bin Kasim

Ketua Pengarang:

Arbaah Binti Abu

Sidang Pengarang:

Ir. Sulaiman Bin Kamari
Ir. Azizah Binti Kassim
Mohamad Nizam Bin Ibrahim
Apparao a/l Subramaniyan
Mohd Saifudin Bin Abd Razak
Yusuf Bin Abd Karim

Jurugrafik / Jurufoto :

Ir. Mohd Sufian Bin Othman
Bahrom Bin Baharin
Mohd Shahril Bin Zina'ali
Noraizam Bin Miswan

LAWATAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA KE JKR WOKSYOP PERSEKUTUAN



Y.Bhg Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa
Ketua Setiausaha Negara

Pada 22 Januari 2013, Y.Bhg. Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara, telah turun padang mengadakan lawatan rasmi ke JKR Woksyop Persekutuan, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur. Antara tetamu yang turut hadir bersama adalah Y.Bhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya dan Y.Bhg Dato' Seri Ir. Hj. Mohd Noor Bin Yaacob, Ketua Pengarah Kerja Raya, serta pengurusan atasan Kementerian dan Jabatan Kerja Raya.

Sesi lawatan ini dimulakan dengan bacaan doa dan ucapan aluan daripada Y. Bhg Dato' Seri Ketua Pengarah Kerja Raya. Satu taklimat ringkas mengenai JKR Woksyop Persekutuan telah disampaikan oleh Tn. Syed Abdullah B. Syed Abd. Rahman,

Pengarah Kanan Caw. Kejuruteraan Mekanikal.

Majlis kemudian diteruskan dengan sesi ramah mesra bersama warga JKR Woksyop Persekutuan dan lawatan ke Galeri Warisan Kejuruteraan Woksyop.

Y.Bhg. Dato' Seri Dr. Ketua Setiausaha Negara telah menyampaikan ucapan yang mana dalam ucapannya, beliau menyarankan agar penjawat awam dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan melaksanakan tugas dengan pantas tanpa melengahkan tugas yang diamanahkan. Selain itu, beliau juga menyarankan agar pihak JKR memberi fokus kepada projek yang memberi impak besar kepada rakyat.



Sekitar lawatan Y.Bhg. Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara

“JKR Malaysia dan warga JKR Woksyop Persekutuan amat berbesar hati dan berbangga di atas kesudian Y.Bhg. Dato' Seri Dr. Ketua Setiausaha Negara meluangkan masa turun padang ke JKR Woksyop Persekutuan.”

PENGENALAN

Cawangan Kejuruteraan Mekanikal



Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (CKM) merupakan salah satu cawangan dalam Sektor Pakar JKR yang melaksanakan projek-projek pembangunan negara. Mengikut sejarah, CKM bermula dengan nama Kilang Kerajaan (*Government Factory*) pada tahun 1895. Seiring dengan peredaran masa di JKR, Kilang Kerajaan telah berkembang dengan peranan-peranan yang baru lalu dijenamakan semula dengan nama Cawangan Jentera pada tahun 1970-an.




Peranan utama Cawangan Jentera pada waktu itu adalah sebagai perunding perkhidmatan mekanikal dalam bangunan. Kemudian, dengan penstrukturan semula JKR pada tahun 1990-an, nama Cawangan Jentera ditukar kepada Kejuruteraan Mekanikal, dan kini dikenali sebagai **CAWANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL**.

ERA 1895 -1950

Bermula dengan Kilang Kerajaan (*Government Factory*) yang bertempat di Jalan Brickfields Kuala Lumpur pada tahun 1895. Ianya berperanan sebagai pembekal, pembuat, pengeluar, pengedar serta kontraktor kerajaan yang tersohor dalam perkhidmatan kejuruteraan dan pelaksanaan projek pembangunan kerajaan.

Di antara tahun 1895 hingga 1912, Kilang Kerajaan berfungsi sebagai JKR Woksyop dan Setor Negeri Selangor, kadangkala kerja dilaksanakan untuk Negeri-Negeri jiran dan Kedah. Perniagaan utamanya termasuk mengeluarkan batu bata, memotong kayu balak, membuat perabot, fabrikasi jambatan standard besi dan memasang jambatan *bow-string* dan kerja struktur ringan.



Pada 1942 semasa Perang Dunia Kedua, Kilang Kerajaan telah rosak teruk akibat dibom semasa penaklukan Jepun dan hanya sebahagian kecil dapat beroperasi semula selepas perang tamat pada 1945. Selaras dengan pembubaran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada 1946, Kilang Kerajaan telah dikenali sebagai *PWD Factory*.

ERA 1950 - 1970

JKR Woksyop Persekutuan mula dibina di Batu 2½ Jalan Cheras Kuala Lumpur pada tahun 1950 bagi menggantikan *PWD Woksyop* di Brickfields yang telah mengalami kerosakan

Pada 1954 keluasan kawasan berbumbung Woksyop telah mencapai 141,560 kaki persegi yang mengandungi bangunan woksyop utama, garaj, ruang servis, setor barang and pejabat. Pembangunan JKR Woksyop telah berkembang dengan pesatnya yang menyebabkan keluasan kawasan berbum-

bung meningkat kepada 178,580 kaki persegi pada 1960 dan 231,468 kaki persegi pada 1968.

Pembangunan JKR Woksyop dari 1960 hingga 1968 adalah bernilai \$528,247.00 dimana ianya termasuk pembangunan bengkel *Plant Loji*, bengkel ketukangan, bengkel HEMP, bumbung di atas rel keretapi, bengkel tayar, rumah ujian enjin and bangunan foundri.



JKR Woksyop Persekutuan Batu 2 ½ Jalan Cheras Kuala Lumpur pada tahun 1950

**“JKR Woksyop Persekutuan
mula dibina di Batu 2½
Jalan Cheras Kuala Lumpur
pada tahun 1950 bagi meng-
gantikan PWD Woksyop di
Brickfields”**



ERA 1970 - 2001

Era ini merupakan peralihan fungsi utama JKR Woksyop Persekutuan daripada kerja pembuatan kepada aktiviti membaikpulih kenderaan dan jentera berat JKR Persekutuan. Peralihan ini, telah mengurangkan peranan JKR Woksyop Persekutuan dalam projek-projek pembangunan negara.

Pada 16 Februari 2001, semasa pengswastaan penyenggaraan jalan-jalan Persekutuan, kerja-kerja membaikpulih utama jentera berat dan kenderaan berkurangan disebabkan oleh sebilangan jentera dan kenderaan berat Persekutuan diserapkan ke

Syarikat Konsesi sekaligus mengecilkan fungsi JKR Woksyop.

Secara tidak langsung keadaan ini juga mengakibatkan pengurangan perjawatan dan sebahagian daripada kawasan JKR Woksyop telah dimajukan menjadi kompleks CIDB dan infrastruktur jalan raya.

Setelah itu, dengan perkembangan semasa dan infrastruktur pembangunan yang pesat aktiviti utama CKM lebih fokus kepada pengurusan projek. Kebanyakan aktiviti tersebut dilaksanakan secara dalaman.



ERA 2001 - SEKARANG

Dalam meniti arus pembangunan yang pesat, kebanyakan projek di CKM dilaksanakan secara reka dan bina. Antara perkhidmatan bangunan yang terlibat adalah seperti sistem lif, sistem penyaman udara, sistem pencegah kebakaran, sistem pam penggalak air, sistem gas cecair petroleum dan lain-lain.

Selain itu, beberapa aktiviti berkaitan woksyop masih dijalankan seperti; penyelenggaraan, penggantian dan naiktaraf peralatan mekanikal dalam bangunan, pemeriksaan, penilaian, pembaikan dan pelupusan kenderaan Jabatan dan Agensi Kerajaan, membaikpulih kenderaan dan loji JKR Persekutuan, latihan kompetensi kepada kakitangan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta pengurusan pemandu dan kenderaan rasmi Jabatan/Kementerian.



FLEET MANAGEMENT



Apa itu Fleet Management?

Fleet Management adalah satu sistem pengurusan kenderaan dan loji hakmilik sesuatu jabatan atau organisasi.

Cawangan Kejuruteraan Mekanikal telah menjalinkan kerjasama dengan Bahagian Teknologi Maklumat, Cawangan Pengurusan Korporat dalam membangunkan *fleet management system* bagi memastikan pengurusan kenderaan JKR sama ada Persekutuan dan Negeri dikendalikan secara sistematik dan teratur.

Fleet Management ini terdiri daripada beberapa modul yang akan merangkumi :

1. Penilaian aset alih baru
2. Pengurusan rekod kenderaan
3. Pembaikan kenderaan
4. Pengurusan buku log
5. *Vehicle Testing Line* (VTL)
6. Tempahan kenderaan VVIP
7. Penilaian aset alih kemalangan
8. Penilaian aset alih kenderaan terpakai - Pinjaman Kerajaan, lucut hak dan rezab
9. Penilaian aset alih perakuan pelupusan

Pada masa sekarang, CKM telahpun membangunkan Sistem Pengurusan Data Loji dan Kenderaan JKR yang juga merupakan salah satu modul dalam *fleet management system*. Tujuan utama pembangunan sistem ini adalah untuk:

- Meningkatkan keberkesanan pengurusan serta memudahkan urusan carian dan kemas-kini maklumat data loji dan kenderaan milik Persekutuan yang ditempatkan di pelbagai lokasi seluruh Malaysia.

- Membolehkan pengguna mengetahui status terkini keadaan kenderaan dan loji sama ada aktif, rosak, lupus dan sebagainya mengikut lokasi.
- Memudahkan *stakeholders* mendapatkan maklumat kenderaan dan loji JKR untuk tujuan perancangan aktiviti peringkat jabatan, nasional serta kegunaan semasa bencana alam.
- Memudahkan perancangan untuk perolehan kenderaan baru.

Kumpulan sasaran yang akan mendapat manfaat melalui penggunaan sistem ini ialah :

- Pengurusan atasan KKR/JKR
- Pengurusan CKM
- Pegawai-pegawai Mekanikal di JKR Ibu Pejabat dan Negeri
- Pegawai-pegawai kerajaan bukan daripada disiplin Mekanikal seperti Pengarah JKR Negeri
- Jurutera Daerah

Sehingga Disember 2012, sebanyak 1,955 data loji kenderaan JKR milik Kerajaan Persekutuan telah direkodkan ke dalam sistem ini dan angka ini akan bertambah dari masa ke semasa.

Aplikasi ini boleh diakses melalui Laman Web Rasmi CKM. Data-data juga boleh dimuat turun samada dalam bentuk *softcopy* atau dicetak terus.

Jadual Taburan Data Kenderaan dan Loji JKR Persekutuan Tahun 2012

Negeri	Johor	Kedah	kelantan	Melaka	N.Sembilan	Pahang	Perak	Perlis	P.Pinang	Sabah	Selangor	Terengganu	K.Lumpur	Labuan	Putrajaya	Jumlah
Senarai Kenderaan																
4WD	66	61	80	25	42	66	55	10	27	2	38	31	126	12	9	650
Bas mini	0	0	1	0	0	1	0	0	0	0	0	0	4	0	0	6
Bas Penumpang	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	1	0	3
Load Carrier	22	52	21	12	31	7	25	0	17	0	12	10	28	3	0	240
Lorry Mtd Ser U	1	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3
Low Loader	1	1	1	1	1	3	1	0	0	0	1	0	2	0	0	12
Mobile Aerial Truck	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Mobile Fuel Tanker	0	0	0	1	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3
Mobile Water Tanker	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	3
Motosikal	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	2
MPV	1	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1	0	0	3
Pick Up	20	9	17	9	16	12	10	2	7	0	14	6	33	10	0	165
Recovery Truck	1	1	1	1	0	2	0	0	0	0	1	0	1	0	0	8
Saloon Car	0	4	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5
Tipper	0	35	34	18	23	29	37	0	16	0	5	11	0	0	0	208
Tow Truck	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Van	5	6	8	1	3	5	17	1	2	0	4	3	18	1	0	74
Jumlah Kecil	118	172	165	68	116	127	148	13	69	2	75	61	215	29	9	1387
Senarai Loji																
Agri-Tractor	4	11	10	3	7	11	10	1	1	0	3	13	0	0	0	74
Backhoe Loader	0	13	10	8	6	10	16	2	10	0	6	6	3	2	0	92
Bot	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	1	0	0	2
Compactor Vib	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Dozer	2	5	6	0	4	6	2	0	0	0	0	1	0	0	0	26
Dumper	0	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2
Excavator	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2
Feri	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Forklift	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	6	1	0	7
Mobile Crane	1	0	1	0	0	1	1	0	0	0	0	0	1	1	0	6
Motor Grader	3	19	16	11	16	13	20	2	6	0	4	9	0	0	0	119
Road Paver	0	0	3	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5
Roller	6	12	17	9	9	9	29	2	5	0	8	8	0	1	0	115
Rotary Slasher	0	0	0	0	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3
Shovel	6	15	17	7	15	17	22	2	7	0	2	3	0	0	0	113
Jumlah Kecil	23	76	84	39	57	71	100	9	30	0	23	40	11	5	0	568
Jumlah Besar Loji & Kenderaan	141	248	249	107	173	198	248	22	99	2	98	101	226	34	9	1955

Laporan oleh Ir. Mohd Sufian bin Othman

STATISTIK SAMAN KENDERAAN JKR 2012



Mitos:
Kenderaan kerajaan tidak akan disaman...

Hakikat :
Kenderaan kerajaan tetap akan disaman sekiranya melanggar undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.


Pengurusan Saman kenderaan JKR Persekutuan adalah diuruskan oleh Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (CKM), Ibu Pejabat JKR Kuala Lumpur. Berdasarkan stastistik yang dikumpulkan oleh CKM, kesalahan lalulintas yang paling utama ialah memandu kenderaan melebihi had laju yang dibenarkan.

Pekeliling Perbendaharaan telah menyatakan dengan jelas setiap saman yang dikeluarkan adalah dibawah tanggungjawab pemandu tersebut. Mengikut rekod, jumlah saman yang paling tinggi dicatatkan adalah kenderaan yang didaftarkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Berikut adalah statistik saman yang telah dikeluarkan kepada kenderaan JKR Persekutuan sepanjang tahun 2012.

BULAN	JUMLAH SAMAN
Januari	51
Februari	49
Mac	51
April	52
Mei	33
Jun	4
Julai	1
Ogos	16
September	12
Oktober	17
November	13
Disember	29
JUMLAH	328

Statistik Saman Kenderaan JKR Tahun 2012 Mengikut Penempatan



Nota :

Saman untuk cawangan-cawangan ibu-pejabat berada di dalam ruang KL.

	Jumlah Saman
Cawangan IPJKR	143
JKR Woksyop	8
JKR WPKL/ Putrajaya	13
Jumlah	164

PROSES PENGENDALIAN SAMAN

Ketua Trafik Pasukan Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman dan Pihak Berkuasa :

- Saman dikeluarkan

Pejabat Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya :

- Saman yang dikeluarkan akan dihantar kepada Pejabat Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya dan disalurkan kepada Cawangan Pengurusan Korporat (CPK)

Cawangan Pengurusan Korporat (CPK), Jabatan Kerja :

- Pihak CPK akan menyemak dan menghantar saman tersebut kepada CKM untuk diuruskan.

Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kerja Raya :

- CKM akan memproses semua saman yang diterima dengan mengenalpasti penempatan terkini kenderaan yang terlibat bagi tujuan menghantar kepada pejabat cawangan atau pejabat CKM negeri untuk proses bayaran.

Laporan oleh Apparao a/l Subramaniam

PEMODENAN JKR KUARI



Pengurusan JKR Kuari merupakan salah satu aktiviti utama Cawangan Kejuruteraan Mekanikal yang memainkan peranan penting sebagai peneraju utama dalam pembangunan infrastruktur jalan negara pada suatu masa dahulu.

Antara fungsi utama JKR Kuari adalah untuk memenuhi kehendak dan keperluan dalam penyediaan hasil batu kuari dan *premix* bagi membina jalan, infrastruktur dan bangunan.

Pada peringkat awal terdapat 12 buah kuari yang dimiliki oleh JKR.

1. JKR Kuari Pusat Pekan Awah, Pahang
2. JKR Kuari Bukit Penggorak, Pahang
3. JKR Kuari Pusat Bukit Buloh, Kelantan
4. JKR Kuari Pusat Bukit Jong, Terengganu
5. JKR Kuari Pusat Gemencheh, N. Sembilan
6. JKR Kuari Pusat Batu Caves, Selangor
7. JKR Kuari Pusat Sungai Long, Selangor
8. JKR Kuari Pusat Kuala Dipang, Perak
9. JKR Kuari Pusat Gunung Kerian, Kedah
10. JKR Kuari Pusat Bukit Mor, Johor
11. JKR Kuari Pusat Lunchu, Johor
12. JKR Kuari Pusat Penanti, P. Pinang

Namun, selepas penswastaaan pada tahun 1995 hanya tinggal 3 buah kuari sahaja yang masih beroperasi di bawah kendalian JKR.

1. JKR Kuari Pusat Pekan Awah, Pahang
2. JKR Kuari Bukit Penggorak, Pahang
3. JKR Kuari Pusat Bukit Buloh, Kelantan



Premix Plant sebelum naik taraf



Premix Plant selepas naik taraf

JKR Kuari dilengkapi dengan peralatan loji *primary*, loji *secondary* & *tertiary*, *grading bunker* dan loji *premix*. Operasi kuari dilaksanakan sendiri oleh Jabatan meliputi kerja-kerja berkaitan peletupan, pemecahan, penghancuran dan pemasaran produk kuari.

Bermula pada tahun 2007, JKR Kuari telah dinaiktaraf secara berperingkat dengan melaksanakan tranformasi pemodenan daripada mesin-mesin lama kepada mesin-mesin berteknologi terkini. Pada tahun 2012, Kementerian Kerja Raya telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM 23 juta bagi tujuan pemodenan tersebut yang melibatkan JKR Kuari Pusat Bukit Buloh dan JKR Kuari Pusat Pekan Awah.

Impak daripada pemodenan JKR kuari ini, hasil pengeluaran produk kuari telah dapat dipertingkatkan sebanyak dua kali ganda daripada pengeluaran asal. Begitu juga jaminan kualiti produk dapat dipertingkatkan.



Grading Bunker sebelum naik taraf



Grading Bunker selepas naik taraf



Tertiary dan quaternary crusher selepas naik taraf

“hasil pengeluaran produk kuari telah dapat dipertingkatkan sebanyak dua kali ganda daripada pengeluaran asal.”

Laporan oleh Mohamad Nizam bin Ibrahim

LESSON LEARNT : PELUPUSAN

Pada bulan November 2012, sebuah kenderaan jenis pajero berwarna korporat JKR dan masih mempunyai logo dan nama salah satu cawangan JKR telah diletakkan di tepi jalan berhampiran Desa Waterpark, Kuala Lumpur. Setelah 1 minggu dibiarkan tersadai, pihak CKM telah menerima aduan awam memaklumkan perkara ini.

Setelah disiasat dan diperiksa, kenderaan ini didapati telah dilupuskan pada tahun bulan April 2011.



Daripada senario ini, didapati terdapat kelemahan dalam melaksanakan kaedah pelupusan yang sepatutnya. Oleh yang demikian, pelupusan sesuatu kenderaan sangat penting dan setiap jabatan kerajaan seharusnya melaksanakan kaedah pelupusan seiring dengan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

APA ITU PELUPUSAN?

“PELUPUSAN” ialah proses untuk mengeluarkan aset dari majikan, kawalan, simpanan dan rekod mengikut kaedah yang ditetapkan.

KEPENTINGAN PELUPUSAN

- Memastikan Jabatan Kerajaan tidak menyimpan aset yang tidak boleh diguna atau diperlukan;
- Menjimatkan ruang simpanan/pejabat;
- Mendapatkan hasil pulangan yang terbaik; dan
- Membolehkan aset milik Kementerian/Jabatan dipindahkan ke Kementerian/Jabatan yang lain atas sebab-sebab tertentu.

TINDAKAN SEMASA MELAKSANAKAN PELUPUSAN

- Label Hak Kerajaan Malaysia (HKM), nama dan lain-lain identiti yang melambangkan sesuatu Kementerian/Jabatan pada aset hendaklah dipadamkan sepenuhnya;
- Jabatan Pengangkutan Jalan hendaklah diberitahu (menggunakan borang K3) mengenai pelupusan kenderaan supaya pendaftaran kenderaan Kementerian/Jabatan dibatalkan;
- Kad Pendaftaran kenderaan bermotor diserahkan kepada pembeli kecuali pelupusan secara sisa; dan
- Kenderaan Kerajaan dan aset alih lain yang telah dilupus adalah dikecualikan daripada semua jenis cukai.

KAEDAH PELUPUSAN

- Jualan secara tender, sebut harga, lelong dan jualan sisa.
- Tukar Barang (*Barter Trade*).
- Tukar beli (*Trade In*).
- Tukar Ganti (*Cannibalize*).
- Pindahan.
- Hadiah.
- Musnah secara tanam, bakar, buang dan ditenggelamkan.

INFORMASI 2012

Sebanyak 37 unit kenderaan dan loji JKR telah dilupuskan dengan nilai perolehan asal sebanyak RM 800K.

Laporan oleh Apparao a/l Subramaniam

KADAR ELAUN PERBATUAN



Jarak perjalanan bertugas rasmi bagi tiap - tiap satu bulan

Kelas

	A	B	C	D	E
500 kilometer pertama	70	60	50	45	40
501-1,000 km	65	55	45	40	35
1,001-1700 km	55	50	40	35	30
1,701 km dan seterusnya	50	45	35	30	25

TAHUKAH ANDA BAGAIMANA KADAR TUNTUTAN ELAUN PERBATUAN DIKIRA ?

Kadar tuntutan elaun perbatuan per kilometer yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan adalah dikira oleh Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Ibu Pejabat JKR Malaysia. Kadar tersebut dikira dengan berdasarkan kepada beberapa faktor yang berkaitan.

Faktor-faktor yang diambil kira adalah seperti berikut :

- i) Kadar harga bahanapi semasa
- ii) Kos penyelenggaraan kenderaan dan susut nilai
- iii) Kos insurans dan cukai jalan kenderaan
- iv) Kos baikpulih kenderaan

Pengiraan akan dilakukan dengan mengambilkira purata kos-kos berkaitan. Cadangan kadar baru elaun akan dihantar kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan sebelum diluluskan dan seterusnya diedarkan kepada semua kakitangan Kerajaan sebagai Pekeliling Perbendaharaan.

Laporan oleh Apparao a/l Subramaniam



APA ITU VEHICLE TESTING LINE ?

Vehicle Testing Line (VTL) adalah sistem pemeriksaan kenderaan berkomputer yang dipasang di JKR CKM Woksyop Persekutuan, JKR CKM Negeri Pahang dan JKR CKM Negeri Kelantan bagi menguji dan memeriksa kenderaan secara berjadual bagi memastikan keadaan mekanikalnya sentiasa berada dalam keadaan yang memuaskan, selamat untuk digunakan dan mesra alam.

Mengapa perlunya Kenderaan Diperiksa? Secara amnya, setiap kenderaan perlu diperiksa berdasarkan tiga sebab berikut :-

1. Bagi memastikan keadaan mekanikal kenderaan berada dalam keadaan yang memuaskan, efisien dan disenggara dengan baik.
2. Bagi memastikan keselamatan pemandu, pengguna jalan raya yang lain dan kemudahan disepanjang jalan raya terjamin. Ujian meter laju, ujian gelincir sisi, dan ujian suspensi adalah diantara ujian yang dijalankan bagi memastikan keselamatan tersebut.
3. Kenderaan adalah salah satu punca utama pencemaran udara masa kini. Bagi memastikan ianya mesra alam, setiap kenderaan perlu diuji tahap pelepasan asap supaya berada pada tahap yang dibenarkan.

JENIS-JENIS PENGUJIAN



Speedometer Test
(Ujian Meter Halaju)

- Memastikan kelajuan sebenar kenderaan di atas jalan raya adalah sama seperti yang tercatat pada meter halaju.
- Meter halaju yang tidak menunjukkan bacaan yang tepat akan mengakibatkan pelanggaran peraturan hadlaju yang telah ditetapkan.



Suspension Test
(Ujian Suspensi)

- Memastikan sistem suspensi kenderaan berfungsi dengan baik.
- Sistem suspensi yang tidak berfungsi dengan baik akan mengakibatkan ketidakselesaan memandu serta mengurangkan tahap pengendalian kenderaan.



Brake Test
(Ujian Brek)

- Memastikan sistem brek setiap roda mencengkam dengan baik.
- Sistem brek yang tidak mencengkam dengan baik atau tidak seimbang akan menyukarkan kenderaan diberhentikan pada saat dan arah yang diperlukan.



Side-slip Test
(Ujian Gelincir Sisi)

- Memastikan jajaran roda berada pada tahap yang betul.
- Jajaran roda yang tidak sekata akan mengakibatkan ketidakselesaan memandu serta mengakibatkan tayar haus secara tidak sekata.

JENIS-JENIS PENGUJIAN



Undercarriage Check (Pemeriksaan Bahagian Bawah Kendaraan)

- Memastikan segala komponen yang jelas kelihatan dibahagian bawah kenderaan berada didalam keadaan baik.
- Segala kecacatan seperti skru yang longgar atau hilang, kebocoran dan sebagainya dapat dikenalpasti bagi membolehkan penyelenggaraan dilaksanakan secepat mungkin.



Emission Test (Ujian Asap Petrol dan Diesel)

- Memastikan pelepasan asap bagi enjin disel dan kuantiti gas bagi enjin petrol berada pada tahap yang dibenarkan.
- Pelepasan asap yang berlebihan menunjukkan prestasi enjin berada pada tahap tidak optima serta menyumbang kepada pencemaran udara.



Headlight Test (Ujian Lampu Puncak)

- Memastikan lampu puncak mengeluarkan cahaya pada tahap iluminasi yang cukup terang bagi pemanduan waktu gelap serta arah fokus yang betul.
- Lampu puncak yang bercahaya malap serta memfokus pada arah diluar daripada arah pemanduan akan membahayakan pemanduan waktu gelap.



Sound Level Test (Ujian Aras Bunyi)

- Memastikan bunyi yang dihasilkan oleh kenderaan berada pada tahap yang dibenarkan dan tidak menimbulkan pencemaran.

JENIS-JENIS PENGUJIAN



Shower Test
(Ujian Pancuran Air)

- Memastikan tidak terdapat sebarang kebocoran pada bahagian dalam kenderaan terutama bagi kenderaan baru seperti bas yang kebiasaannya badan bas tersebut dipasang oleh pengeluar.



Oil Analyzer
(Analisis Minyak)

- Menentukan kuantiti kandungan *organic* dan *wear metal* yang terkandung dalam minyak pelincir yang telah digunakan. Dengan maklumat ini, ia boleh digunakan bagi menentukan keadaan minyak terpakai dan keadaan komponen enjin sebelum ianya gagal berfungsi sepenuhnya.

Pemeriksaan sesebuah kenderaan jabatan kerajaan adalah penting selaras dengan PP Bil. 2/ 1980. Kegagalan melaksanakan pemeriksaan tersebut akan mengakibatkan kes seperti di bawah.

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA
ARAS 19, MENARA PERSEKUTUAN
JALAN PERSEKUTUAN, HANG TUAH JAYA,
75450 AYER KEROH
MELAKA

Tel.: 06 - 2345720
Faksi: 06 - 2345723
Web: http://www.doe.gov.my

No. Rujukan : ASMK/B91/110/904/003 ()
Tarikh: 22 Mac 2012

KOMPLEKS PENGIJIAN PELEPASAN ASAP KENDERAAN BERNOROT TABOH NANING
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA
PEMANTALAN ARAHAN PEMERIKSAAN KENDERAAN BERENJIN DIESEL
DIBAWAH SEKSYEN 48A AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

TARIKH UJIAN ASAP : 10-5-2012
KEPUTUSAN UJIAN ASAP : 30.3%
NO. SURUT PENCAMUKAN/PELEPASAN ASAP : A04619

ARAHAN PEMERIKSAAN KENDERAAN BERENJIN-DIESEL DI BAWAH SEKSYEN 48A (1) AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

Saya adalah diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas. NAMA : AZHAR BIN ABDULLAH
JAMAKAT : JURUTERKIN KANAN
LEMBAGAAN : NEGERI MELAKA

2. Adalah dipadai bahawa kenderaan yang bernomor pendaftaran di bawah diuji bagi melepaskan asap hitam yang berlebihan ke udara melalui pemerhatian secara visual atau dengan menggunakan alat ukur tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

No. Kenderaan : WCS 9448
Tarikh dan Masa : 22 Mac 2012 (4.14 Petang)
Lokasi : Lebuh AMO (Alor Gajah)

3. Sehubungan dengan itu, tuan adalah diarah untuk membawa kenderaan berkenaan untuk menjalani ujian pelepasan asap di Kompleks Ujian Pelepasan Asap Kenderaan Taboh Naning, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka atau mana-mana tapak ujian asap Jabatan Alam Sekitar Negeri (seperti di Lampiran) dalam tempoh Empat Belas (14) hari dari tarikh arahan ini dikeluarkan.

4. Tuan juga dikehendaki menyelenggara kenderaan tersebut dengan sempurna sebelum dibawa untuk menjalani pemeriksaan asap hitam kenderaan. Sekiranya kenderaan tersebut telah menjalani ujian asap kenderaan, tuan dikehendaki mengemukakan sesalinan keputusan ujian pelepasan asap ke Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka samada secara pos atau talian faks.

5. Kegagalan tuan untuk membawa kenderaan tersebut untuk menjalani ujian asap akan mendedahkan pihak tuan kepada tindakan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Sekian. Terima kasih.

Sila rujuk ke
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR, TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Saya Pergi menurut perintah,
(HEDZIR BIN ZAKARIA)
b.p. Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka

03 APR 2012

04 APR 2012

Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung.

No. SIRI: ASMK A 04619

JABATAN ALAM SEKITAR
Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling
(Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996
PERAKUAN PELEPASAN ASAP KENDERAAN MOTOR

No. Pendaftaran Kenderaan Motor: WCS 9448
Buatn/Model: MITSUBISHI, Jenis Kenderaan: P2020
Tarikh Ujian: 10-5-2012, Masa Ujian: 16.19
Tempat Ujian: Kompleks pengujian Pelepasan Asap Kenderaan Taboh Naning

REKOD UJIAN PELEPASAN ASAP

Pertama: 32.0 %/HSU Kedua: 29.6 %/HSU
Ketiga: 29.4 %/HSU Purata: 30.3 %/HSU

Meter Yang Digunakan
1) MULLER BEM 8695 2) HARTRIDGE SMOKEMETER, MK3

No. Siri: No. Siri:
Perakuan SIRIM: Perakuan SIRIM:

Saya memperakui bahawa kenderaan yang tersebut di atas telah diuji bagi keupayaan pelepasan asap dan didapati melepaskan ketumpatan asap 30.3 %/HSU yang tidak melebihi had / melebihi asap 50 % /HSU yang dibenarkan dibawah subperaturan 11 (1). Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996.

Dikeluarkan dan ditandatangani oleh:
Nama: AZHAR BIN ABDULLAH
Jawatan: JURUTERKIN KANAN
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA
JD05167-PNMB, MELAKA


PERAKUAN UJIAN DIKELUARKAN KEPADA

*Nama Pemunya/Pemandu Kenderaan Motor: MOHD. FANDI IZRAHIM
No. Kad Pengenaln : 840219045277
Alamat : J.K.R. Melaka Tengah
Kepada siapa dikeluarkan: Pemunya/Pemandu (Tandatangan):
No. Lesen Memandu: Y.349.899, Habis Tempoh: 15.5.12

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

Laporan oleh Yusuf bin Abd Karim

VEHICLE TRACKING SYSTEM



Do you know our new vehicles are installed with vehicle tracking and recovery system? In the event of theft, this system will be able to trace the vehicle's exact location. All we have to do is to inform our Secure Operating Centre (SOC) or confirm the theft of our vehicle when the SOC calls you for theft verification – the authorities and a response team will be dispatched to recover your vehicle immediately.

The Vehicle Tracking System (VTS) contains the following features:

1. Alarm Alert



If your alarm has been triggered, you will immediately receive an alert. SOC will call you to verify if your vehicle has been stolen.

2. Battery Alert



If your battery has been removed or the power for the Stolen Vehicle Recovery (SVR) system has been tampered with, you will immediately receive an alert. SOC will then call you to verify if your car has been stolen. In addition, if your battery is low on power, an alert will be sent to you.


3. Movement Sensor



If your vehicle is moved while the ignition is still off, an alert will be sent to you. SOC will then call you to verify if your car has been stolen.

Starting from 2011, all the vehicles procured by CKM should be installed with VTS. The letter aside stated about the priority of installing the protection in the vehicle.

4. SVR System Device Alert



If the GPS antenna of the SVR System device is tampered with, you will immediately receive an alert. SOC will then call you to verify if your car has been stolen. In addition, if the SVR System back-up battery is low on power, an alert will be sent to you.

5. Engine Immobilisation



Should your vehicle be stolen, this feature will immobilise your engine once your car engine is off.

JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
 PEJABAT KETUA PENGARAH KERJA RAYA
 IBU PEJABAT JKR MALAYSIA,
 JALAN SULTAN SALAHUDDIN,
 95582 KUALA LUMPUR.

Telefon : (03) 26919011
 Telefax : KRT MA 30415
 Kuaran : MINWORK, KUALA LUMPUR
 Fax : (03) 2694 8477 (TLN. 2)
 (03) 2692 1202 (TLN. 4)
 Laman Web : http://www.jkr.gov.my

Rujukan Kami : (33) /dlm.JKR.KPKR.020.150/08 Jld.6
 Tarikh : 4 Mei 2011

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SISTEM KESELAMATAN KENDERAAN MILIK JABATAN

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan, isu kehilangan kenderaan milik Jabatan di Centropoint North, Mid Valley telah dibangkitkan di dalam Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil. 1/2011 pada 22 Mac 2011 yang lalu.

3. Sehubungan dengan itu, Cawangan ini menyarankan agar kenderaan milik Jabatan di setiap Cawangan dipasang dengan alat sistem keselamatan kenderaan dengan menggunakan peruntukan sedia ada Cawangan masing-masing.

4. Kerjasama dan perhatian Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL KARIM BIN MOHD TAHIR)
 Ketua Penolong Pengarah Kanan
 Cawangan Pengurusan Korporat
 b.p. Ketua Pengarah Kerja Raya
 Jabatan Kerja Raya

16 MAY 2011

s.k.

- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pengurusan Korporat)
- Pengarah Cawangan Pengurusan Korporat
- Ketua Bahagian Kewangan dan Akaun Cawangan Pengurusan Korporat

APRILIA ALI SIRIAMANYAN
 Ketua Mamasukan
 Cawangan Kenderaan Berakal
 Ibu Pejabat JKR, Kuala Lumpur

16 MAY 2011

Laporan oleh Yusuf bin Abd Karim



PEMANDUAN 4WD - SESI PANDU UJI

Bermula tahun 2007, pengurusan perolehan kenderaan baru Jabatan Kerja Raya telah diamanahkan kepada Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (CKM). Ianya selaras dengan kepakaran dan aset yang dimiliki oleh cawangan. Justeru, pada tahun 2011 sebanyak 62 kenderaan pacuan empat roda jenama Hyundai Inokom Santa Fe 2.4 Petrol telah dibuat perolehan oleh CKM bagi menampung keperluan tugas semasa Kementerian dan Jabatan Kerja Raya.

Untuk memberi pendedahan lebih lanjut berkenaan kenderaan baru ini, latihan pemanduan teknikal telah diadakan sebanyak 2 sesi yang bertempat di The Palm Garden Resort, IOI Putrajaya pada 31hb Januari 2012 dan 2hb Februari 2012 kepada pemandu-pemandu Kementerian dan Jabatan Kerja Raya. Matlamat utama latihan tersebut adalah untuk mengenali kenderaan terbaru JKR dari segi spesifikasi dan juga fungsi-fungsi yang terdapat di dalam kenderaan tersebut.

Pada 16hb Februari 2012, pihak pembekal pula telah memberi peluang kepada pegawai-pegawai teknikal JKR untuk mengikuti satu siri latihan pemanduan teknikal *Offroad* yang telah diadakan di Ulu Slim, Perak. Tujuan utama latihan tersebut adalah untuk menunjukkan kaedah-kaedah pe-

manduan sekiranya kerja-kerja Jabatan memerlukan pemanduan *offroad*. Sebelum sesi panduan uji tersebut dijalankan, satu sesi taklimat pengendalian kenderaan *offroad* telah diberikan. Pegawai-pegawai tersebut telah didedahkan dengan teknik pemanduan di atas permukaan jalan yang bertar, permukaan jalan yang tidak rata, berlopak, menyelusuri cerun-cerun bukit dan juga kaedah menyeberangi sungai.



Hasil dari pengalaman yang diperolehi semasa sesi pandu uji tersebut mendapati sistem pacuan 4 roda berfungsi dengan baik apabila bergandingan dengan sistem 'Electronic Stability Program' yang mengesan *slippage* pada permukaan jalan yang licin (berselut dan berlopak). Sistem *Independent Suspension* juga telah banyak memainkan peranan bagi memastikan *Ground Contact* yang mana daya kilas dan kuasa enjin akan dialihkan ke tayar yang mempunyai *traction* yang terbaik dengan permukaan muka bumi. Ini adalah untuk memastikan kenderaan tersebut dapat 'diterjahkan' keluar dari situasi-situasi kritikal.

Dengan adanya sistem tersebut, sesebuah kenderaan masih mampu dipacu dengan baik walaupun menggunakan tayar biasa dan bukannya daripada jenis *All-Terrain / Mud Terrain*.



Pada akhir sesi latihan, peserta-peserta telah ditauliahkan dengan sijil pemanduan *offroad* di atas kejayaan mengharungi segala rintangan yang telah dilalui sepanjang hari tersebut.



LAWATAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA KE JKR WOKSYOP PERSEKUTUAN



Sekitar lawatan Y.Bhg. Ketua Pengarah Kerja Raya Dato' Seri Ir. Haji Mohd Noor Bin Yaacob ke JKR Woksyop Persekutuan Kuala Lumpur sempena Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Bil 13/2012 pada 17 Julai 2012.

LAWATAN PENGARAH BAHAGIAN SENGGARA FASILITI JALAN KE JKR KUARI PUSAT BUKIT BULOH MACHANG KELANTAN



Pada 18 September 2012, Y.Bhg. Dato' Ir. Hj. Hamizan Bin Mohd Inzan, Pengarah Bahagian Senggara Fasiliti Jalan, telah mengadakan lawatan ke JKR Kuari Pusat Bukit Buloh, Machang, Kelantan.



Lawatan tersebut adalah untuk bertujuan memberi pendalaman mengenai operasi dan pengurusan kuari. Hasil daripada lawatan tersebut, ianya telah mewujudkan persefahaman diantara CKM dan BFSJ dalam pengurusan dan pemantauan kualiti produk kuari untuk pembangunan infrastruktur jalan raya.

PEROLEHAN KENDERAAN BAHARU JKR PERSEKUTUAN DAN NEGERI



CKM Ibu Pejabat dan Negeri bertanggungjawab dalam proses membuat perolehan kenderaan dan loji baharu Kerajaan. Pada tahun 2012 CKM telah berjaya membuat perolehan baharu sebanyak 87 buah kenderaan dan loji dengan peruntukan bernilai RM11.4 juta bagi kegunaan JKR dan agensi Kerajaan lain.

Jadual dibawah menunjukkan rekod perolehan yang telah dilaksanakan.

Cawangan Kejuruteraan Mekanikal	Ibu Pejabat	Kedah	Kelantan	Melaka	N.Sembilan	Pahang	Perlis	P.Pinang	Selangor	Terengganu	Johor	Labuan	Jumlah
Senarai Kenderaan													
4WD	25	3	1	2	9	0	0	1	0	0	12	0	53
Bas Penumpang	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	3
Load Carrier	0	1	0	1	5	0	1	0	0	0	3	0	11
Low Loader	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1
Pick Up	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	1
Saloon Car	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	2	0	3
Van	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	5
Jumlah Kecil	32	5	1	3	15	1	1	1	1	0	18	1	79
Senarai Loji													
Skylift	0	0	0	0	2	0	0	0	0	0	0	0	2
Skid Steer Loader	0	0	0	0	4	0	0	0	0	0	0	0	4
Roller	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	2
Jumlah Kecil	0	1	0	1	6	0	0	0	0	0	0	0	8
Jumlah Besar Loji & Kenderaan	32	6	1	4	21	1	1	1	1	0	18	1	87

PENYERAHAN KENDERAAN BAHARU KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA



Satu majlis penyerahan kenderaan baharu kepada Kementerian Kerja Raya Malaysia telah diadakan pada 27 Disember 2012 jam 2.30 petang di Dewan Cempaka, JKR Woksyop Persekutuan, Jalan Cheras Kuala Lumpur yang melibatkan sebanyak 25 buah kenderaan pacuan empat roda, 5 buah van dan sebuah bas penumpang.

Majlis penyerahan ini telah disempurnakan oleh Pengarah Kanan CKM, Tuan Syed Abdullah bin Syed Abd Rahman kepada Setiausaha Bahagian Kewangan KKR, Encik Mohd Jais bin Hj Abd Kadir dan turut diserikan lagi dengan kehadiran Pengarah Cawangan Pengurusan Korporat, JKR, Ir. Hj Mohd Aminudin bin Md Amin.



Sekitar majlis penyerahan kenderaan



Sekitar majlis penyerahan kenderaan

PENYERAHAN KENDERAAN DAN LOJI JKR SELANGOR



Pada 3 Februari 2012, satu majlis penyerahan kenderaan JKR Selangor telah diadakan di perkarangan pejabat Bahagian Mekanikal JKR Selangor, Seksyen 17 Shah Alam pada jam 3.00 petang. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Muhammad Khusrin bin Hj Munawi, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Pengarah JKR Selangor dalam ucapannya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YB Dato' SUK kerana telah meluluskan pembelian kenderaan baru kepada JKR Selangor sebanyak RM10 juta. Dengan adanya kenderaan-kenderaan baru ini telah banyak membantu warga JKR Selangor dalam melaksanakan tugas seharian.



Perasmian oleh YB Dato' Muhammad Khusrin bin Hj Munawi, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.





Johan Anugerah Pengurusan Pembinaan Terbaik - Kategori Projek Secara Konvensional Mekanikal & Elektrikal (NSC Dikecualikan) Tahun 2012



Naib Johan Anugerah Pengurusan Laman Web Terbaik - Kategori Intranet Tahun 2012



Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 18-21, Centre Point North
The Boulevard Mid Valley City
Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur
No. Tel : 03 - 9235 4543
No. Fax : 03 - 2287 3946
Laman web : www.jkr.gov.my/cawmekanikal/